

DBKL cadang haram bekas polisterin di Bukit Bintang

07 Mei 2016 2:06 PM



KUALA LUMPUR 7 Mei - Pengarah Eksekutif Perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Mohd. Najib Mohd. (dua.kanan) bersama Pengerusi Jawatankuasa Komuniti Persekitaran Bukit Bintang Central, Simon Leong (tiga dari kiri) merasmikan Program Gotong Royong Bukit Bintang Central sempena aktiviti Jom Bersih Bukit Bintang 10; 'Yes To 3R Now, We Care' di hadapan Plaza Low Yat hari ini. Turut hadir (dari kiri) Pengarah Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar DBKL, Dr. Hayati Abdullah; Pengarah Alam Flora Sdn. Bhd. Kuala Lumpur, Abdul Sukor Zakaria dan Ketua Rangkaian Seksyen Saluran Paip Indah Water Konsortium Kuala Lumpur dan Putrajaya, Abdul Ghani Mohamad. - fotoBERNAMA

KUALA LUMPUR 7 Mei - Dalam usaha mewujudkan bandar raya hijau, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang mengharamkan penggunaan bekas makanan diperbuat daripada polisterin di kawasan Bukit Bintang yang menjadi tumpuan orang ramai.

Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Datuk Mohd. Najib Mohd berkata pelaksanaannya dijangka dikuatkuasakan sebelum akhir tahun ini.

"Kita sedia maklum, bekas polisterin adalah bahan yang sukar dilupuskan dan memberi kesan buruk kepada alam sekitar selain menyukarkan lagi pengurusan sampah dan sisa pepejal," katanya.

Beliau berkata, inisiatif itu juga adalah kesinambungan kepada pengharaman penggunaan bekas makanan polisterin yang dilaksanakan di kawasan Dataran Merdeka pada Julai tahun lepas.

"Pada masa ini, DBKL dengan kerjasama agensi-agensi lain berusaha menganjurkan pelbagai program seperti Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula (3R) untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada warga kota," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Jom Bersih Bukit Bintang Siri 10 hari ini.

Kira-kira 800 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta menyertai program gotong-royong membersihkan kawasan Bukit Bintang. - BERNAMA